



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERSONEL MYSTEP (GRED 29)  
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**1. Butiran Jawatan**

Jawatan : Personel MySTEP (Gred 29)  
Kementerian : Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
Klasifikasi Perkhidmatan : Teknologi Maklumat  
Taraf Jawatan : Kontrak

**2. Gaji** : RM 1800/bulan  
(termasuk caruman KWSP dan PERKESO)

**3. Kriteria Calon**

3.1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Kelayakan Akademik:
  - a. Sekurang - kurangnya Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
  - b. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**4. Fungsi Bidang Tugas & Keperluan**

- 4.1. Mempunyai kemahiran di dalam MySQL Query, MS Access, Perisian Automasi Pejabat, Windows Remote Access (LAN & WAN) dan *data processing*.
- 4.2. Mempunyai kemahiran dalam video editing menggunakan Adobe Software.
- 4.3. Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data (*data collection*), pembersihan data (*data cleaning*) dan verifikasi data (*data verification*) sahaja.
- 4.4. Mengenalpasti setiap rekod data Pelesenan daripada Pejabat MOTAC Negeri sah dan terkini.
- 4.5. Mengemukakan laporan verifikasi data yang telah diluluskan oleh Pejabat MOTAC Negeri kepada Bahagian Pelesenan Pelancongan mengikut tarikh yang ditetapkan.
- 4.6. Membuat kuir dalam pengkalan data sistem untuk tujuan pengemaskinian.
- 4.7. Membantu dalam proses penyediaan data untuk dimigrasi ke sistem yang baharu.

**5. CARA MEMOHON**

5.1. Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* dengan menghantar resume & Sijil serta gambar passport kepada [pln@motac.gov.my](mailto:pln@motac.gov.my) selewat-lewat **18 April 2021 (Ahad)**

**6. CATATAN AM**

- 6.1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 6.2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- 6.3. Calon yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 adalah dialu-alukan.